

SAINS tetap kawal kualiti air Sungai Temiang

S? SAYA sering ke Pasar Seremban yang terletak bersebelahan Sungai Temiang. Air longkang besar dari pasar itu saya lihat terus memasuki Sungai Temiang.

Apa yang saya tahu, sungai itu bercantum dengan Sungai Linggi yang menjadi antara sumber air minuman penduduk Seremban. Adakah air yang kita minum selamat?

ANAK SUNGAI.

SEMUA punca air minuman di Negeri Sembilan adalah selamat dan mematuhi kriteria kualiti air mentah yang ditetapkan bagi tujuan pemprosesan air minuman selain mematuhi piawaian kualiti air minum kebangsaan.

Bagi memastikan air sungai tidak tercemar, kerajaan negeri menubuhkan Jawatankuasa Kerja Kawalan Pencemaran Sumber Air Mentah yang dipengerusikan Timbalan Setiausaha



AIR longkang dan sampah sarap yang mengalir ke Sungai Temiang dikawal selia oleh SAINS.

Kerajaan Negeri (Pembangunan Negeri Sembilan) yang turut dianggotai Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS).

Antara langkah yang dijalankan jawatankuasa itu ialah mengadakan program kawalan sumber air mentah

termasuk mengambil sampel dan melakukan pemeriksaan kualiti air mentah dari semasa ke semasa bagi men-

jamin ia sentiasa selamat.

Daripada segi usaha meningkatkan kualiti air Sungai Temiang, kerajaan negeri menetapkan sasaran peningkatan kualiti air sungai ini dari kelas IV (sedikit tercemar) ke kelas II (air memerlukan rawatan biasa) menjelang 2015.

Antara usaha dilakukan termasuk memasang perangkap sampah di tempat strategik, manakala Majlis Perbandaran Seremban (MPS) tidak lagi membenarkan penyembelihan ayam di Pasar Seremban yang dikenal pasti menyumbang kepada pencemaran sungai itu. Peniaga di pasar itu juga digalakkan menghantar bahan buangan seperti sisa sayur untuk diproses menjadi baja kompos.

DATUK V S MOGAN

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Hal Ehwal Perladangan, Sumber Manusia, Alam Sekitar dan Pengaduan Awam, Negeri Sembilan.